

Berita KUKUM

BANTUAN MANGSA KEBAKARAN DI KUALA PERLIS

Atas rasa simpati yang amat mendalam, rasa perikemanusiaan dan rasa tanggungjawab untuk sama-sama membantu meringankan beban serta penderitaan mangsa-mangsa kebakaran di Kuala Perlis pada 16 Januari 2004 yang lalu, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah mengambil inisiatif untuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat. Satu kutipan derma kilat telah diadakan di kalangan warga KUKUM yang mana sebanyak RM 10,017.00 telah berjaya dikumpul. Kakitangan dan pelajar KUKUM juga turut menyumbangkan pakaian pada kempen yang telah diadakan selama sehari itu.

Selain daripada itu, KUKUM juga melancarkan kutipan sumbangan pakaian daripada penduduk di 8 buah taman perumahan di negeri Perlis. Taman-taman perumahan yang terlibat ialah Taman Aman, Taman Ira, Taman Guru Jaya, Taman Mewah, Taman Sena, Taman Sri Idaman, RPA Mata Ayer II dan RPA Arau. Dianggarkan sebanyak 200 buah kotak pakaian berjaya dikumpul daripada penduduk taman-taman tersebut yang mempunyai lebih kurang 2,000 buah rumah.

